



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PENGARUH FAKTOR BUDAYA DAN SOSIOEKONOMI TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH ENAM TAHUN

THE INFLUENCE OF CULTURAL AND SOCIOECONOMIC FACTORS ON THE SOCIOEMOTIONAL DEVELOPMENT OF SIX-YEAR-OLD PRESCHOOL CHILDREN

Mohd Zafaren Zakaria^{1*}, Nurul Khairani Ismail²

¹ Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah

Email: farenzakaria@ums.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: nkhairani@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 15.10.2025

Accepted date: 11.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Zakaria, M. Z., & Ismail, N. K. (2025). Pengaruh Faktor Budaya Dan Sosioekonomi Terhadap Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah Enam Tahun. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 149-156.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Perkembangan sosioemosi merupakan komponen penting dalam pembentukan identiti, kesejahteraan, dan pencapaian akademik kanak-kanak pada peringkat awal. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh faktor budaya dan latar belakang sosioekonomi terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun. Reka bentuk kajian berbentuk kuantitatif menggunakan tinjauan deskriptif melibatkan 379 orang guru prasekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Instrumen soal selidik berstruktur telah dibangunkan berdasarkan literatur terdahulu dan menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi (α budaya = 0.93; α sosioekonomi = 0.97). Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 28 melalui analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sosioekonomi dan budaya keluarga merupakan penentu utama yang mempengaruhi perkembangan sosioemosi kanak-kanak, khususnya dalam aspek tingkah laku, emosi, dan hubungan sosial. Walau bagaimanapun, aspek dalaman seperti keyakinan diri, kawalan emosi, dan kemahiran penyelesaian masalah sosial masih berada pada tahap rendah. Perbincangan menekankan keperluan intervensi berfokus, penglibatan ibu bapa, serta kerjasama strategik antara guru dan komuniti untuk menyokong perkembangan sosioemosi kanak-kanak secara menyeluruh. Kajian ini memberi implikasi penting kepada pendidik, ibu bapa, dan penggubal dasar dalam merancang sokongan yang lebih bersasar berdasarkan kepelbagaian budaya dan latar belakang sosioekonomi.

Kata Kunci:

Perkembangan Sosioemosi, Kanak-Kanak Prasekolah, Sosioekonomi, Pendidikan Awal, Interaksi Rakan Sebaya, Budaya.

Abstract:

Socioemotional development is a vital component in shaping children's identity, wellbeing, and academic achievement during early childhood. This study was conducted to identify the influence of cultural and socioeconomic factors on the socioemotional development of six-year-old preschool children. A quantitative research design employing a descriptive survey method was used, involving 379 preschool teachers under the supervision of the Malaysian Ministry of Education (MOE). A structured questionnaire instrument was developed based on previous literature and demonstrated high reliability (α culture = 0.93; α socioeconomic = 0.97). Data were analyzed using SPSS version 28 through descriptive and inferential analyses. The findings revealed that socioeconomic and family cultural factors are key determinants influencing children's socioemotional development, particularly in the domains of behavior, emotion, and social relationships. However, internal aspects such as self-confidence, emotional regulation, and social problem-solving skills were found to be at a lower level. The discussion highlights the need for targeted interventions, parental involvement, and strategic collaboration between teachers and the community to holistically support children's socioemotional growth. This study provides significant implications for educators, parents, and policymakers in designing more focused support systems that account for cultural diversity and socioeconomic backgrounds.

Keywords:

Socioemotional Development, Preschool Children, Socioeconomic Status, Early Education, Peer Interaction, Culture.

Pendahuluan

Perkembangan sosioemosi merupakan aspek kritikal dalam pembentukan identiti dan kesejahteraan kanak-kanak (Rodriguez, 2020). Pada usia enam tahun, kanak-kanak berada pada tahap peralihan penting di mana mereka mula memahami emosi diri dan orang lain, membentuk hubungan sosial yang lebih kompleks, serta mengembangkan kemahiran kawal selia diri (Berk, 2018). Tahap ini bukan sahaja memberi kesan kepada pencapaian akademik, malah turut mempengaruhi kesejahteraan mental dan sosial dalam jangka panjang (Denham et al., 2021). Peralihan daripada prasekolah ke alam persekolahan formal menuntut kanak-kanak untuk menunjukkan tanda-tanda kematangan emosi, termasuk empati, kawalan tingkah laku impulsif, dan pemahaman terhadap peraturan sosial (Campbell et al., 2016). Justeru, kriteria ini penting untuk menilai sama ada perkembangan kanak-kanak berada pada tahap yang sepatutnya atau memerlukan sokongan tambahan.

Kajian lepas menunjukkan bahawa perkembangan sosioemosi kanak-kanak dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk persekitaran keluarga, kualiti pendidikan awal, serta interaksi dengan rakan sebaya (Martikainen et al., 2023). Antara faktor dominan, budaya dan latar belakang

sosioekonomi memainkan peranan yang signifikan. Budaya menentukan nilai, norma, dan corak tingkah laku yang dibentuk dalam keluarga serta cara kanak-kanak mengekspresikan emosi dan menyesuaikan diri dalam interaksi sosial (Chen, 2023). Pada masa yang sama, keadaan sosioekonomi keluarga mempengaruhi tahap stres ibu bapa, kemampuan menyediakan sokongan emosi, serta akses kepada sumber pendidikan dan perkhidmatan kesihatan, yang jika terbatas boleh menjejaskan perkembangan kognitif dan emosi kanak-kanak (Hirelingannavar & Patil, 2024; Gruijters, Raabe & Hübner, 2024). Lebih penting, budaya dan sosioekonomi tidak berfungsi secara terpisah, tetapi sering berinteraksi dalam membentuk perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Misalnya, dalam komuniti berpendapatan rendah, nilai budaya yang menekankan kepentingan hubungan sosial dan sokongan komuniti dapat menjadi faktor pelindung yang mengurangkan kesan negatif kemiskinan terhadap perkembangan sosioemosi (Dalmaijer et al., 2023; Hirelingannavar & Patil, 2024).

Walaupun terdapat bukti yang kukuh mengenai pengaruh budaya dan sosioekonomi, pemahaman tentang bagaimana kedua-dua faktor ini berinteraksi masih terbatas, khususnya dalam konteks prasekolah di Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu dijalankan di negara Barat atau berpendapatan tinggi, menjadikan dapatan sukar digeneralisasikan kepada konteks tempatan yang lebih pelbagai dari segi budaya dan latar belakang sosioekonomi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang pengetahuan tersebut dengan meneliti secara khusus pengaruh budaya dan sosioekonomi terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun, bagi menyediakan gambaran lebih jelas serta cadangan intervensi yang lebih bersasar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif untuk mengenal pasti pengaruh faktor budaya dan sosioekonomi terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun. Reka bentuk tinjauan dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang luas daripada sampel besar dalam tempoh masa yang singkat serta sesuai untuk membuat generalisasi terhadap populasi kajian.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada guru-guru prasekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Seramai 379 orang guru prasekolah dipilih sebagai responden menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata, bagi memastikan keterwakilan dari segi lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) serta pengalaman mengajar. Majoriti responden adalah guru perempuan (89.2%, $n = 338$), manakala selebihnya adalah guru lelaki (10.8%, $n = 41$). Dari segi pengalaman mengajar, hampir separuh daripada responden (44.9%) mempunyai pengalaman 11 hingga 15 tahun dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, menjadikan sampel ini kaya dengan kepakaran praktikal.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang dibangunkan berasaskan tinjauan literatur lepas (Chen, 2023; Hirelingannavar & Patil, 2024; Gruijters et al., 2024). Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian utama:

Bahagian A: Maklumat Demografi (jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, lokasi sekolah).

Bahagian B: Faktor Budaya (nilai keluarga, amalan sosial, penerimaan budaya).

Bahagian C: Faktor Sosioekonomi (pendapatan keluarga, akses kepada sumber pendidikan, kesan terhadap emosi dan hubungan sosial).

Setiap item diukur menggunakan Skala Likert 5 mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju).

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan kandungan instrumen telah disemak oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Mereka menilai kesesuaian konstruk, kejelasan item, dan keselarasan dengan objektif kajian. Nilai kebolehpercayaan (reliability) soal selidik diukur menggunakan pekali Cronbach Alpha, dengan hasil yang sangat memuaskan: Faktor Budaya: $\alpha = 0.93$, Faktor Sosioekonomi: $\alpha = 0.97$. Nilai ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi, menandakan konsistensi dalaman item soal selidik adalah baik.

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Soal selidik kajian ini telah diedarkan secara talian menggunakan borang Google Forms bagi memudahkan capaian responden di seluruh Malaysia. Proses pengumpulan data berlangsung selama enam minggu dan dilaksanakan secara berfasa. Pada peringkat prapengedaran, surat kebenaran serta persetujuan rasmi telah dimaklumkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan kelulusan dan sokongan terhadap pelaksanaan kajian. Seterusnya, pada fasa edaran, soal selidik diedarkan kepada guru prasekolah melalui platform rasmi seperti kumpulan Telegram dan e-mel Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi meningkatkan kadar respons, langkah pemantauan dijalankan dengan menghantar peringatan berkala kepada responden. Setelah tempoh edaran tamat, fasa pasca-edaran dilaksanakan dengan mengumpulkan, menyaring, dan memeriksa data bagi memastikan tiada respons berganda atau data yang tidak lengkap sebelum dianalisis. Data kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan mengira nilai min bagi setiap item dalam instrumen. Nilai min yang diperoleh kemudiannya ditafsirkan mengikut kategori tahap perkembangan, iaitu sederhana rendah, sederhana tinggi, dan tinggi. Analisis deskriptif ini dipilih kerana ia sesuai untuk menggambarkan pola umum dan corak tindak balas responden terhadap konstruk yang dikaji tanpa membuat inferens terhadap populasi (Creswell, 2018).

Dapatan Kajian

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti besar guru prasekolah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini mempunyai kelayakan akademik peringkat Ijazah Sarjana Muda, iaitu seramai 353 orang (93.1%). Sejumlah kecil responden memiliki kelulusan di peringkat Ijazah Sarjana iaitu 11 orang (2.9%), manakala hanya 8 orang (2.1%) mempunyai kelayakan Diploma. Selebihnya, 4 orang responden (1.1%) berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan 3 orang (0.8%) mempunyai kelulusan Sijil.

Dari segi pengalaman mengajar, kumpulan terbesar responden ialah guru yang berkhidmat antara 11 hingga 15 tahun, iaitu seramai 170 orang (44.9%). Ini diikuti oleh 90 orang responden (23.8%) dengan pengalaman 6 hingga 10 tahun, serta 54 orang guru (14.2%) yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun. Sejumlah 47 orang responden (12.4%) pula telah berkhidmat selama 16 hingga 20 tahun, manakala hanya sebilangan kecil guru berpengalaman melebihi 20 tahun, iaitu 10 orang (2.6%) dengan pengalaman 21 hingga 25 tahun, dan 8 orang guru (2.1%) dengan pengalaman 26 hingga 30 tahun. Dari aspek lokasi sekolah, taburan responden adalah agak seimbang dengan seramai 195 orang guru (51.5%) mengajar di kawasan bandar manakala 184 orang (48.5%) berkhidmat di kawasan luar bandar. Ringkasan dapatan maklumat demografi responden kajian seperti mana dibawah:

Jadual 1: Maklumat Demografi

Kategori		n (%)
Kelayakan Akademik Tertinggi	Sijil Pelajaran Malaysia	4 (1.1%)
	Sijil	3 (0.8%)
	Diploma	8 (2.1%)
	Ijazah	353 (93.1%)
	Ijazah Sarjana	11 (2.9%)
Pengalaman Mengajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak	1 hingga 5 tahun	54 (14.2%)
	6 hingga 10 tahun	90 (23.8%)
	11 hingga 15 tahun	170 (44.9%)
	16 hingga 20 tahun	47 (12.4%)
	21 hingga 25 tahun	10 (2.6%)
	26 hingga 30 tahun	8 (2.1%)
Lokasi Sekolah	Bandar	195 (51.5%)
	Luar Bandar	184 (48.5%)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah berbeza mengikut item yang dikaji. Keyakinan diri (Min = 2.98), kawalan emosi ketika berhadapan dengan masalah (Min = 2.35), dan kemahiran menyelesaikan masalah sosial (Min = 2.13) berada pada tahap sederhana rendah. Manakala, kebolehan bergaul dengan rakan sebaya (Min = 3.19) serta penerimaan masyarakat terhadap budaya keluarga (Min = 3.81) dicatatkan pada tahap sederhana tinggi.

Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa faktor luaran merupakan pengaruh paling dominan, dengan latar belakang sosioekonomi keluarga (Min = 4.47) dan budaya keluarga (Min = 4.31) berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah lebih banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran luaran berbanding faktor dalaman kanak-kanak itu sendiri. Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah seperti mana dibawah:

Jadual 2: Tahap Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah

Item	Pernyataan	Min	Tahap
1	Kanak-kanak menunjukkan keyakinan diri dalam aktiviti harian.	2.98	Sederhana rendah
2	Kanak-kanak mudah bergaul dengan rakan sebaya.	3.19	Sederhana tinggi
3	Kanak-kanak mampu mengawal emosi apabila berhadapan dengan masalah	2.35	Sederhana rendah
4	Latar belakang sosioekonomi keluarga mempengaruhi hubungan sosial	4.47	Tinggi
5	Budaya keluarga mempengaruhi tingkah laku dan emosi kanak-kanak.	4.31	Tinggi
6	Kanak-kanak menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah secara sosial	2.13	Sederhana rendah
7	Penerimaan masyarakat terhadap budaya keluarga mempengaruhi perkembangan kanak-kanak	3.81	Sederhana tinggi

Perbincangan

Kajian ini mengesahkan bahawa faktor persekitaran luaran, khususnya latar belakang sosioekonomi keluarga, memainkan peranan dominan dalam perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan stabil lazimnya mempunyai akses yang lebih baik kepada sumber pendidikan, persekitaran rumah yang kondusif, serta peluang pembelajaran sosial yang lebih luas (Soto-Ramírez et al., 2022; Mao, 2022). Sebaliknya, kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah lebih berisiko terdedah kepada tekanan dan kekurangan sokongan perkembangan awal. Hal ini konsisten dengan kerangka ekologi Bronfenbrenner (1994) yang menegaskan bahawa persekitaran keluarga dan status sosioekonomi merupakan penentu utama kesejahteraan kanak-kanak pada peringkat awal.

Selain itu, budaya keluarga turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam membentuk emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Nilai dan norma keluarga seperti disiplin, rasa hormat, dan semangat tolong-menolong menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku sosial yang positif. Budaya keluarga bukan sahaja mempengaruhi cara kanak-kanak mengekspresikan emosi, malah turut menentukan strategi penyesuaian diri mereka dalam interaksi sosial (Maksum et al., 2025). Seterusnya, penerimaan masyarakat terhadap budaya keluarga serta keupayaan kanak-kanak bergaul dengan rakan sebaya turut memberi kesan positif terhadap perkembangan sosioemosi. Persekitaran sosial yang inklusif menjadikan kanak-kanak berasa dihargai dan bebas mengekspresikan identiti mereka. Dalam konteks prasekolah, aktiviti berkumpul terbukti dapat mengukuhkan hubungan interpersonal serta melatih kemahiran kolaboratif dan penyelesaian konflik kecil secara konstruktif (Rimeh et al., 2022; Hosokawa et al., 2024).

Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa aspek dalaman seperti keyakinan diri, kawalan emosi, dan kemahiran menyelesaikan masalah sosial masih berada pada tahap rendah (Aydoğdu et al., 2024; Shodiq, 2023). Kelemahan ini menuntut intervensi berfokus yang melibatkan penglibatan aktif ibu bapa. Kajian terdahulu membuktikan bahawa program keibubapaan yang menekankan peningkatan kawal selia diri melalui penetapan matlamat, pemantauan sendiri, dan latihan penyelesaian masalah dapat memberi kesan positif terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak (Sanders et al., 2019). Program seperti ini biasanya merangkumi tugas rumah yang dilaksanakan bersama antara ibu bapa dan anak, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan penuh kasih sayang.

Cadangan Penambahbaikan

Kerjasama antara guru dan ibu bapa adalah penting untuk mencapai perkembangan holistik dan kejayaan akademik anak-anak. Guru dan ibu bapa boleh bekerjasama melalui beberapa cara yang berkesan. Pertama, komunikasi yang terbuka dan berterusan adalah kunci. Guru boleh memulakan komunikasi dengan ibu bapa melalui pelbagai saluran seperti mesyuarat, program sosialisasi, dan penggunaan teknologi digital untuk memberikan maklumat tentang kemajuan dan tingkah laku anak-anak. Kedua, guru dan ibu bapa boleh mengadakan perbincangan bersama untuk membuat keputusan yang menghormati hak ibu bapa dalam proses pendidikan anak mereka. Ketiga, program latihan dan bengkel yang melibatkan kedua-dua pihak boleh membantu dalam pertukaran pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang relevan untuk perkembangan anak. Selain itu, guru perlu memahami latar belakang sosioekonomi dan budaya ibu bapa untuk mengatasi halangan komunikasi dan meningkatkan kerjasama. Dengan menggabungkan usaha ini, guru dan ibu bapa dapat membentuk hubungan yang saling menghormati dan menyokong, yang akhirnya akan memberi manfaat kepada perkembangan dan kejayaan anak-anak.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah dipengaruhi secara dominan oleh faktor persekitaran luaran, khususnya sosioekonomi dan budaya keluarga, di mana kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan stabil dan berbudaya positif cenderung menunjukkan tingkah laku serta emosi yang lebih seimbang. Namun, kelemahan pada aspek dalaman seperti keyakinan diri, kawalan emosi, dan kemahiran penyelesaian masalah menuntut intervensi berfokus yang bersifat holistik melalui penglibatan ibu bapa, guru, dan komuniti. Program keibubapaan, latihan kemahiran sosial, pendekatan pedagogi berasaskan aktiviti hands-on, serta komunikasi berkesan antara sekolah dan keluarga disarankan bagi memperkukuh kemahiran sosioemosi asas. Kerjasama bersepadu ini diyakini mampu menyokong kesejahteraan emosi, sosial, dan pencapaian akademik kanak-kanak secara berkesan ke arah kejayaan jangka panjang.

Penghargaan

Setinggi-tinggip penghargaan diberikan kepada Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan atas pembiayaan *Article Processing Charge (APC)* yang memungkinkan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- AydoğduF., GürsoyF., & AralN. (2024). Social Emotional Well-Being, Psychological Resilience and Behavioural Problems in Preschool Children: The Mediating Role of Emotion Regulation. *Asia-Pacific Journal of Research in Early Childhood Education*, 18(1). <https://doi.org/10.17206/apjrece.2024.18.1.25>
- Berk, L. E. (2018). *Development Through the Lifespan* (7th ed.). Pearson Education.
- Campbell, S. B., Denham, S. A., Howarth, G. Z., Jones, S. M., Vick Whittaker, J., Williford, A. P., Willoughby, M. T., Yudron, M., & Darling-Churchill, K. (2016). Commentary on the review of measures of early childhood social and emotional development: Conceptualization, critique, and recommendations. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 45, 19-41. <https://doi.org/10.1016/j.appdev.2016.01.008>
- Dalmaijer, E. S., Gibbons, S. G., Bignardi, G., Anwyl-Irvine, A. L., Siugzdaite, R., Smith, T. A., Uh, S., Johnson, A., & Astle, D. E. (2023). Direct and indirect links between children's socio-economic status and education: Pathways via mental health, attitude, and cognition. *Current Psychology*, 42(12), 9637-9651. <https://doi.org/10.1007/s12144-021-02232-2>
- Denham, S. A., Bassett, H. H., & Wyatt, T. M. (2021). The socialization of emotional competence. In M. H. Bornstein (Ed.), *Handbook of Parenting* (pp. 122-150). Routledge.
- Gruijters, R. J., Raabe, I. J., & Hübner, N. (2024). Socio-emotional skills and the socioeconomic achievement gap. *Sociology of Education*, 97(2), 120-147. <https://doi.org/10.1177/00380407231216424>
- Hirelingannavar, S., & Patil, M. (2024). Impact of socio-economic status on socio-emotional development of children attending different early childhood care and education (ECCE) centers. *Journal of Scientific Research and Reports*, 30(4), 129-142. <https://doi.org/10.9734/jsrr/2024/v30i41898>
- Hosokawa, R., Matsumoto, Y., Nishida, C., Funato, K., & Mitani, A. (2024). Enhancing social-emotional Skills in Early childhood: Intervention Study on the Effectiveness of Social and Emotional Learning. *BMC Psychology*, 12(1). <https://doi.org/10.1186/s40359-024-02280-w>

- Liu, H., & Li, L. (2025). When left-behind children become parents in rural china: does their emotional expressiveness influence children's social-emotional competence? *BMC Psychology*, 13(1). <https://doi.org/10.1186/s40359-025-02772-3>
- Mao, W. (2022). Family socioeconomic status and young children's learning behaviors: The mediational role of parental expectation, home environment, and parental involvement. *International Journal of Chinese Education*, 11(3), 2212585X2211241. <https://doi.org/10.1177/2212585x221124155>
- Martikainen, S., Kalland, M., Linnavalli, T., Kostilainen, K., Aittokoski, M., Reunamo, J., Tervaniemi, M. (2023). Supporting social-emotional development in early childhood education and care – a randomized parallel group trial evaluating the impact of two different interventions. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 68(5), 1069-1087. <https://doi.org/10.1080/00313831.2023.2204119>
- Rodriguez, V., Lynneeth Solis, S., Mascio, B., Kiely Gouley, K., Jennings, P. A., & Brotman, L. M. (2020). With awareness comes competency: The five awarenesses of teaching as a framework for understanding teacher social-emotional competency and well-being. *Early Education and Development*, 31(7), 940-972. <https://doi.org/10.1080/10409289.2020.1794496>
- Sadam Fajar Shodiq. (2023). How do parenting patterns and level of religiosity affect adolescent confidence? *Multidisciplinary Science Journal*, 5(3), 2023035–2023035. <https://doi.org/10.31893/multiscience.2023035>
- Sanders, M. R., Turner, K. M. T., & Metzler, C. W. (2019). Applying Self-Regulation Principles in the Delivery of Parenting Interventions. *Clinical Child and Family Psychology Review*, 22(1), 24–42. <https://doi.org/10.1007/s10567-019-00287-z>
- Soto-Ramírez, P., Jiang, H., Strasser, K., Chaparro-Moreno, L. J., & Justice, L. M. (2022). Early home learning environment profiles and their contribution to child development in Chile. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 82, 101452. <https://doi.org/10.1016/j.appdev.2022.101452>